



SABKI (kanan) dan Quirinus (kiri) menunjukkan Alife dan produk lain di expo itu.

## UMS hasil produk ekstrak tongkat ali

**Tracy Patrick**

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah mengeluarkan satu produk baru dipanggil 'Alife', yang dihasilkan daripada ekstrak tongkat ali (*Eurycoma longifolia*) tulen.

"Alife' dibuat dalam bentuk kapsul mudah larut untuk mempercepatkan penyerapan ke dalam sistem tubuh manusia. Ia dibuat di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan didaftar dengan Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan," kata Pengurus ULink Agro-Based Sdn Bhd, Sabki Suhaili.

Anak syarikat UMS Link Holdings Sdn Bhd itu kini membuka sebuah gerai di expo 'Window to the World' di Pusat Membeli-belah 1Borneo sehingga esok.

Sabki menambah produk itu kini menunggu nombor pendaftarannya daripada Kementerian Kesihatan.

"Kementerian akan menentukan sama ada ia boleh dikategorikan sebagai ubatan atau suplemen makanan," katanya, menambah nama Alife' dipilih untuk bermaksud kehidupan 'Gred A'.

Alife', dipromosi sebagai pengalagat tenaga, dijual dalam paket kecil 20-kapsul dengan harga runcit di bawah RM50.

Selain Alife', syarikat itu juga mempromosi sabun herba, coklat dan makanan probiotik. Semuanya adalah hasil penyelidikan yang dibuat oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Sabun herba kami 100 peratus

diperbuat daripada bahan semula jadi termasuk rumpai laut, limau kaffir, dabai, lavender, serai, oren, susu kambing dadih, litsea, palmarosa, patchouli, eucalyptus, tea tree, minyak kelapa dara, mentega shea, argan dan minyak tamanu, avokado dan minyak zaitun, antara lainnya.

"Semua produk tumbuhan ini terbukti secara saintifik memiliki khasiat ubat dan penyembuhan, dan dalam bentuk sabun, khasnya berguna bagi mereka yang mempunyai kulit sensitif dan bermasalah," katanya.

Coklat mengandungi gula yang diperolehi daripada stevia, satu lagi sumber gula yang sihat dan rumpai laut. Satu lagi produk yang kini dipromosi adalah makanan kering probiotik.

"Makanan kering ini diinokulasi dengan bakteria mesra usus yang menjaga keseimbangan sihat usus kita. Kajian mencadangkan probiotik boleh membantu mengurangkan masalah laktosa intoleransi. Ia juga boleh membantu mengurangkan senak, cirit-birit, dan masalah penghadaman yang lain," kata Sabki.

Syarikat giat mencari penjual dari seluruh negara untuk membantu memasarkan produk-produk itu.

Maklumat lanjut mengenai produk boleh diperolehi dengan menghubungi Sabki pada 013-8641357 atau Quirinus Darius pada 019-8207865, atau terus ke premis syarikat di Agro-Based Sdn Bhd, Lot 66, Plaza Alamesra Utama.